

IPT kena pergiat program usahawan

Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini disaran lebih serius dalam menggalakkan pelajarannya bergiat dalam bidang berkaitan keusahawanan bagi melahirkan usahawan berpotensi tinggi di negara ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin, berkata usaha itu perlu kerana sektor terbabit terbukti berpotensi menjana pendapatan lumayan yang memberi impak positif terhadap pembangunan negara.

“Dunia kini berada zaman globalisasi serba pantas, justeru kita tidak boleh melatih modal insan yang hanya tertumpu kepada mengejar kerjaya ‘makan gaji’ saja.

Perlu lebih produktif

“Pemikiran itu perlu diubah dan IPT sebagai penggerak utama perlu lebih produktif serta dinamik untuk melahirkan pelajar yang bersedia menghadapi perubahan pesat persekitaran global yang kini lebih tertumpu kepada keusahawanan,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2012, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) memenangi Anugerah Keseluruhan Premier: Universiti Keusahawanan Terbaik 2012 dan membawa pulang hadiah utama berupa wang tunai bernilai RM150,000.

Bagi kategori lain, Anugerah Perusahaan Pelajar Terbaik dimenangi Gemilang Agrobiz Sdn Bhd, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan membawa pulang wang tunai bernilai RM20, 000.

Selain itu lima lagi anugerah lain masing-masing membawa pulang wang tunai bernilai RM50,000 termasuk Universiti Utara Malaysia (UUM), Anugerah Pembabit Pelajar; Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTem), Anugerah Kakitangan Inovatif dan Keusahawanan; UPM, Anugerah Impak Keusahawanan; Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif dan Keusahawanan; dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Anugerah Persekitaran Institusi.

“

Dunia kini berada zaman globalisasi serba pantas, justeru kita tidak boleh melatih modal insan yang hanya tertumpu kepada mengejar kerjaya ‘makan gaji’ saja”

Khaled Nordin,
Menteri Pengajian Tinggi